



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN TEMASYA DEEPAVALI
2018 @ BUTTERWORTH ART WALK

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN YEOH SOON HIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan
dan Kesenian

TARIKH / MASA / TEMPAT
17 NOVEMBER 2018 (SABTU)
8.00 MALAM

LORONG BAGAN LUAR 2
BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan,
Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian

Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy

Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Murali Ram

Pengarah Program Think City Sdn. Bhd.

Yang Berusaha Encik Zaini Bin Zainul

Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Temasya Deepavali @ Butterworth Art Walk yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive Enterprise di bawah Program Butterworth Baharu yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian .

Saya rasa tidak terlambat dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada seluruh para hadirin yang beragama Hindu. Saya harap saudara dan saudari telah menyambut hari yang penuh bermakna ini bersama seluruh ahli keluarga dan sahabat handai. Semoga cahaya yang melambangkan Perayaan Deepavali ini akan turut menyinari nilai-nilai yang mengukuhkan perhubungan sesama kita.

Hari ini merupakan hari di mana kita meraikan Deepavali di mana masyarakat berbilang kaum di kawasan Bagan dapat berkumpul dan berkongsi hari yang penuh istimewa ini dalam suasana perayaan yang sungguh meriah dan berwarna-warni. Inilah istimewanya masyarakat kita dan uniknya negara ini. Kita mesti sentiasa berusaha untuk menyemai, memupuk dan mempertahankan semangat murni dan kerjasama antara kaum kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tunggak kekuatan kita serta menjadi teladan di mata dunia.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian; Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian kerana sudi hadir ke majlis ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Think City Sdn. Bhd. dan Zart Eventive Enterprise yang telah memberi komitmen padu untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*People Centric Organization*" telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan penyertaan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

MPSP akan terus berkerjasama dengan rakan strategik seperti Think City Sdn. Bhd. untuk mengadakan program *Fun Walk, Fun Ride, I Love Penang Run - Seberang Perai, Province Wellesley Run (PWR)*, Temasya Bagan termasuk *Car Free Evening* dan *Sungai Perai Nature Walk*. Di samping itu, MPSP juga akan mengadakan *Car Free Night* atau malam bebas kenderaan bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *zumba, busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.

MPSP juga memperbanyakkan program sejajar dengan *people centric*. Keutamaan akan diberikan kepada remaja dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan. MPSP perlu mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan. Dengan ini, ia dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan mengurangkan kos.

MPSP memberi peluang dalam membantu penjaja-penjaja, peniaga-peniaga dan para usahawan yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan yang ingin mengembangkan perniagaan mereka. MPSP juga memperkenalkan dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang bersenam dan bersukan, ruang sosial seperti perkahwinan dan pelbagai acara..

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP dan Think City Sdn. Bhd. telah mewujudkan kerjasama di bawah Program Butterworth Baharu, selaras dengan Pelan Strategik MPSP 2018-2022 di bawah Keutamaan Strategik SP02 iaitu Penyediaan Kemudahan dan Infrastruktur Yang Berkualiti. Program Temasya Bagan @

Butterworth Art Walk secara umumnya adalah merupakan pengisian program di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu. Tumpuan program adalah kepada usaha-usaha untuk meremajakan Bandar Butterworth.

Kerjasama di antara MPSP dan Think City Sdn. Bhd. serta Zart Eventive Enterprise dalam memperkasakan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*).

Program Temasya Bagan @ *Butterworth Art Walk* adalah anjuran dan usaha MPSP dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive. Program ini diadakan pada hari Sabtu ketiga setiap bulan di sini, iaitu di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth bermula bulan Oktober 2018, iaitu hari ini, sehingga Disember 2019. Setiap bulan program ini akan mengetengahkan tema-tema berbeza mengikut kepada sambutan perayaan yang tertentu pada bulan tersebut seperti Deepavali, Hari Natal, Tahun Baru, Hari Ibu, dan sebagainya.

Program ini diinspirasikan melalui Program *Car Free Morning* yang bertujuan mengurangkan penggunaan kereta di jalan raya selaras dengan sasaran MPSP untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan

Bandaraya Pintar menjelang 2022. Program ini juga dilihat sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar.

Ini merupakan salah satu inisiatif bagi menghidupkan semula Bandar Butterworth menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang.

Temasya Bagan juga adalah merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen pendidikan dan kesedaran awam dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program.

Temasya Deepavali 2018 @ Butterworth Art Walk adalah merupakan salah satu daripada sambutan Temasya Bagan yang mengetengahkan tema Deepavali pada bulan November 2018 ini. Sambutan kali ini melibatkan Majlis Rumah Terbuka Deepavali anjuran Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam.

Pelbagai program, aktiviti dan pertandingan diadakan sepanjang hari ini bermula dari jam 9.00 pagi tadi sehinggalah 12.00 tengah malam ini. Di

antaran komponen pengisian Temasya Deepavali 2018 @ Butterworth Art

Walk ini termasuklah:-

- i. Mega Yoga oleh Claïressa
- ii. Demonstrasi penyediaan Maruku
- iii. Pertandingan membuat Kolam Rangoli
- iv. 2,000 *Henna Hands*
- v. *Kollywood Kids Model Search Competition*
- vi. Pertandingan Raja Doti & Ratu Sari
- vii. Persembahan Seni Mempertahankan Diri Silambam oleh Persatuan Silambam Pulau Pinang
- viii. Persembahan Musik Tradisional oleh Master Shakteevel Tabla Group
- ix. Persembahan tarian oleh Sek. Men. Convent Butterworth
- x. *Music Band Performance*
- xi. *Bollydance Fitness*
- xii. Jamuan Deepavali

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dalam kita menikmati makanan, berhibur dan sebagainya dalam Temasya Deepavali @ Butterworth Art Walk ini, besarlah harapan saya sekiranya peniaga-peniaga dan pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca.

Saya menyeru dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah dan membuangkannya ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MPSP dan dilabelkan dengan kategori “*sisa kitar semula*” untuk kertas, plastik, tin, aluminium dan kotak dan “*sisa baki*” untuk sampah kotor dan sisa makanan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Temasya Deepavali @ *Butterworth Art Walk* ini untuk menjayakan dan memeriahkan program ini serta mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di sini pada hari ini dan juga pada hari Sabtu ketiga setiap bulan. Temasya ini dilihat merupakan salah satu inisiatif dalam meremajakan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* di Pulau Pinang yang lebih ceria dan *vibrant*.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program Temasya Deepavali @ *Butterworth Art Walk* yang dianjurkan bersama-sama dengan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive Enterprise. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi

Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian; Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, ADUN Bagan Dalam; Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Ahli-Ahli Majlis; warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan padu dalam menjayakan program-program anjuran MPSP.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.